

EK

ECONEWS

M'SIA TIDAK NAMPAK PUNCAK APEC MEMADAI UNTUK MENGATASI MASALAH, PM

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak rasa yang sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Pasifik (APEC) di Amerika Syarikat bermaksud untuk menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi dunia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata.

"Saya tidak fikir ia satu urusan yang cuba menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi dan itulah sebabnya mengapa saya memutuskan tidak akan pergi," katanya pada dialog dengan para peserta persidangan antarabangsa mengenai +Malaysia: Kuasa Ekonomi Dekad 90-an+ di sini hari ini.

Sidang kemuncak 15 negara anggota kumpulan itu akan diadakan di Seattle pada 19 dan 20 November.

Dr. Mahathir berkata tidak ada agenda tertentu pada sidang kemuncak itu dan beliau tidak fikir bahawa mesyuarat yang pendek itu memadai untuk menyelesaikan pelbagai masalah di dalam ekonomi dunia.

Bagaimanapun, beliau menyatakan harapan yang sidang kemuncak itu akan berjaya dan hasilnya boleh dinikmati bersama.

Malaysia akan diwakili pada mesyuarat APEC itu oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

APEC mengumpulkan lebih daripada dua ribu juta penduduk dan menyumbang 40 peratus daripada perdagangan dunia dengan keluaran negara kasar digabungkan sebanyak AS\$11 trilion.

Anggota-anggota APEC adalah enam negara anggota Asean -- Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand di samping Australia, Kanada, China, Hong Kong, Jepun, New Zealand, Korea Selatan, Taiwan dan Amerika Syarikat. -- Bernama